

1980

KUALA LUMPUR, 15 NOV. (BERNAMA)—TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYELAR NEGARA-NEGARA PERUSAHAAN KERANA MENGHALANG PENGUJUTAN SUSUNAN EKONOMI BARU ANTARA-BANGSA.

KATANYA, MASANYA TELAH TIBA BAGI NEGARA-NEGARA BERKENAAN MENYEDARI BAHAWA TIDAK PERSEIMBANGAN DALAM BIDANG PERDAGANGAN DAN PERJANJIAN YANG BERAT SEBELAH HENDAKLAH DIUBAH.

MENURUTNYA, KEPENTINGAN NEGARA-NEGARA MAJU DAN SEDANG MEMBANGUN ADALAH SALING BERGANTUNG, KERANA ITU 'SAMADA KITA BEKERJASAMA ATAU SAMA-SAMA LEBUR'.

BELIAU BERUCAP DEMIKIAN MERASMIKAN SEMINAR SERANTAU LAPAN HARI MENGENAI LAPURAN SURUHANJAYA BRANT ANJURAN BERSAMA MAJLIS BELIA ASIA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIAU DAN SUKAN, YAYASAN FRIEDRICH-NAUMANN DAN MAJLIS BELIA NEGARA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA PADA MASA INI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN HANYA MENIKMATI SEMBILAN PERATUS DARI EKONOMI DUNIA DAN OLEH ITU ADALAH LOJIK BAGI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MEMINTA PERTUSAN ITU DITINGKATKAN KEPADA 25 PERATUS PADA AKHIR KURUN INI.

—BERSAMBUNG HM 1306

B527

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU MENEGASKAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TIDAK MEMINTA-MINTA UNTUK DIBERIKAN DERMA.

'MEREKA HANYA MEMINTA DIBERIKAN PEMBAHAGIAN PASARAN YANG ADIL. PERDAGANGANLAH YANG MERUPAKAN KEPERLUAN ASAS NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DAN BUKANNYA BANTUAN'', KATANYA.

UNTUK MENCAPAI SATU PERDAGANGAN YANG SEIMBANG ANTARA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DAN MAJU RINTANGAN-RINTANGAN HENDAKLAH DIKETEPIKAN, TAMBAHNYA.

MENURUTNYA, DISAMPING ITU, SUSUNAN EKONOMI DUNIA HENDAKLAH DISUSUN SEMULA SECARA RADIKAL JIKA KITA MAHUKAN DUNIA INI DALAM KEADAAN AMAN, SELAMAT DAN GEMBIRA''.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEBIMBANGAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA KAYA BAHAWA SUSUNAN BARU EKONOMI ANTARABANGSA ITU AKAN MENJADIKAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SEBAGAI GERGASI-GERGASI EKONOMI ADALAH TIDAK BERALASAN DAN HANYA MENIMBULKAN LEBIH BANYAK RINTANGAN DALAM USAHA MEWUJUDKAN SUSUNAN ITU BERASASKAN KEADILAN DAN PERSAMAAN.

TAMBAHNYA ADALAH SILAP BAGI NEGARA-NEGARA BARAT MENYALAHKAN KEMELESATAN SEKARANG BERPUNCA DARI NEGARA-NEGARA PENGELUAR MINYAK.

—BERSAMBUNG HM 1321

B528

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

SEBAB UTAMA KEMELESATAN BUKAN KERANA HARGA MINYAK TETAPI DISEBABKAN SIKAP MALAS DIKALANGAN PARA PEKERJA NEGARA-NEGARA MAJU KERANA BIASA MENIKMATI KESENYAMAN HIDUP DENGAN MENGORBANKAN KEPENTINGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA MENENTANG WUJUD SEMULA PERATURAN-PERATURAN LAYANAN ISTIMEWA DALAM PERDAGANGAN ANTARA-BANGSA KERANA INI ADALAH TIDAK SIHAT DAN MERBAHAYA.

KATANYA YANG PALING MERBAHAYA IALAH AMALAN MENGATASI MASALAH EKONOMI SECARA 'TERTUTUP' OLEH KUMPULAN ELIT TANPA PENYERTAAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG MENGALAMI KESANNYA DARI KEPUTUSAN KEPUTUSAN ITU.

'AMALAN SAPERTI TIDAK BOLEH DIBIARKAN BERTERUSAN'', KATANYA.

—BERSAMBUNG HM 1326

B529

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

136

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA SEBAGAI PENGEKSPORT KEDUA BESARNYA BAGI BARANGAN UTAMA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA DUNIA KETIGA SANGAT MEMANDANG BERAT TENTANG SEMUA ISU BERSABIT DENGAN PERDAGANGAN DUNIA DAN PERJANJIAN-PERJANJIAN EKONOMI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEMENTARA DUNIA KETIGA MENGHARAPKAN NEGARA-NEGARA PERUSAHAAN MENGHAPUS DAN MENGENDURKAN RINTANGAN-RINTANGAN PERDAGANGAN, ADALAH JUGA PERLU BAGI NEGARA-NEGARA ITU MEWUJUDKAN KERJASAMA SESAMA SENDIRI.

BELIAU MENCADANGKAN BAHAWA DALAM HUBUNGAN ITU NEGARA-NEGARA OPEC HENDAKLAH MENIMBANG UNTUK MELABUR DALAM PERUSAHAAN-PERUSAHAAN YANG BERASASKAN PETROLIUM DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DI ASIA.

LANGKAH SERUPA ITU, KATANYA, AKAN MEMBERI MANFAAT KEPADA KEDUA-DUA NEGARA ASIA DAN JUGA OPEN MEMANDANGKAN KEDUA-DUANYA BERKEUPAYAAN MENGAWAL PENGANGKUTAN DAN JUGA HASIL-HASIL MINYAK MENTAH DAN YANG TELAH DITAPIS DAN KIMIA PETROLIUM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SURUHANJAYA BRANDT TELAH BERUSAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK MENGHASILKAN SATU LAPORAN YANG AMAT BERGUNA DAN BERHARAP PARA PESERTA SEMINAR ITU AKAN MEMBINCANGKANNYA SECARA MENDALAM.

—BERNAMA HM 1225